



Wädäh MAIPk

PERCUMA

EDISI KEDUA 2018 | BIL. KE-28



31,849 Asnaf

Terima Bantuan Aidilfitri | 6
Berjumlah 7.6 Juta

Skim Biasiswa
Baitulmal MAIPk
Lahir Pelajar
Cemerlang | 10



MAIPk Ziarah &
Santuni Asnaf | 8



PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN

**Penyerahan Zakat
Berjumlah RM20,558,228.67
Pada 19 Mei 2018**



Tenaga Nasional Berhad Negeri Perak
RM11.458 juta.



Lembaga Air Perak RM6.175 juta.



FELCRA Berhad Wilayah Perak RM1.355 juta.



Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd.
RM 0.811 juta.



Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri
Perak (SADC) RM0.395 juta.



KPJ Ipoh Specialist Hospital & Seri Manjung
Specialist Centre RM0.264 juta.



Pertubuhan Peladang Kawasan Seberang
Perak RM0.099 juta.



**Penyerahan Zakat
Berjumlah RM14,064,610.82
Pada 2 Jun 2018**



**Lembaga Tabung Haji Negeri Perak
RM3.967 juta.**



PLUS Malaysia Berhad RM3.677 juta.



Suruhanjaya Syarikat Malaysia RM3.000 juta.



**Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
RM1.280 juta.**



Maybank Islamic Berhad RM0.648 juta.



Bank Islam Berhad RM0.373 juta.



**Idaman Pharma Manufacturing Sdn. Bhd.
RM0.300 juta.**



RHB Islamic Bank Berhad RM0.250 juta.



Bank Muamalat Malaysia Berhad RM0.223 juta.



**Aiiman Asset Management Sdn. Bhd.
RM0.113 juta.**



Etika Family Takaful Berhad RM0.132 juta.



Affin Islamic Bank Berhad RM0.100 juta.

**Penyerahan Zakat Berjumlah RM4,503.149.20
Pada 9 Jun 2018**



Bank Rakyat RM1.624 juta.



**Pertubuhan Peladang Negeri Perak
RM0.495 juta.**



**Menteri Besar Incorporated dan Kumpulan
RM0.500 juta.**



**Felda Global Ventures Holdings Bhd.
RM0.373 juta.**



Ladang MOCCIS Sdn. Bhd. RM0.347 juta.



Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) RM0.177 juta.



Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad RM0.264 juta.



Celcom Axiata Berhad RM0.116 juta.



Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)
RM0.241 juta.



P.C.M. Sdn. Bhd. RM0.100 juta.



Perak Integrated Network Services Sdn. Bhd.
RM0.202 juta.



Koperasi Guru Melayu Perak Berhad
RM0.059 juta.



31,849 ASNAT TERIMA BANTUAN AIDILFITRI BERJUMLAH 7.6 JUTA

IPOH – Penyampaian Bantuan Hari Raya Aidilfitri 1439H MAIPk oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan telah disempurnakan di Masjid Al Hidayah, RPT Pegoh Seberang pada 1 Jun 2018. Bantuan ini diberikan kepada 4,697 asnaf dari lapan mukim daerah Kinta yang melibatkan jumlah keseluruhan RM1.174 juta. Bantuan disampaikan melalui penghulu setiap mukim yang terlibat iaitu Mukim Ipoh, Mukim Ulu Kinta (Lahat, Tanjung Rambutan, Chemor), Mukim Sungai Raia, Mukim Sungai Terap, Mukim Tanjung Tualang dan Mukim Belanja Tronoh. Pada tahun 2018, MAIPk mengagihkan sebanyak RM7,636,250 di bawah Skim Bantuan Hari Raya Aidilfitri yang melibatkan asnaf Fakir, Miskin, Muallaf dan Anak Yatim (miskin). Jumlah ini diagihkan kepada 31,849 orang penerima meliputi agihan melalui akaun, tunai, Jawatankuasa Zakat Fitrah Masjid dan Jabatan Agama Islam Perak.



PENYERAHAN BANTUAN AIDILFITRI DAN SAGUHATI JAWATANKUASA ZAKAT & FITRAH DAERAH HILIR PERAK

TELUK INTAN – MAIPk telah mengadakan Majlis Penyampaian Bantuan Aidilfitri kepada Asnaf Fakir Miskin dan Saguhati Jawatankuasa Zakat & Fitrah Masjid Daerah Sultan Idris Shah II Teluk Intan pada 6 Jun 2018. Cek bantuan telah disampaikan oleh YDH Toh Seri Bijaya Lt. Kol (B) Dato' Shaharudin bin Hj.Nazari Orang Besar Jajahan Manjung (memangku Orang Besar Jajahan Hilir Perak) kepada pengurus dan wakil dikalangan Jawatankuasa Masjid Daerah Hilir Perak. Penyerahan bantuan selesai sebelum berbuka puasa dan bacaan tahlil dan doa selamat dibimbing oleh AF.Ustaz Kamarul Ariffin, Imam Masjid Daerah Hilir Perak. Pegawai Daerah, Tuan Shahrunnaim bin Hj.Razali merangkap Pengurus Masjid Daerah Sultan Idris II telah hadir untuk menyerikan lagi majlis. Turut hadir ke majlis ialah YDH Toh Mahkota Lela Tn Hj Abu bakar Yusof Orang Besar 32, PTA Hilir Perak, PPMD, penghulu-penghulu Mukim dan pegawai serta kakitangan MAIPk Teluk Intan.



ZIARAH RAMADAN DAN MAJLIS BERBUKA PUASA KPE MAIPk DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI BESWOK POS YUM SUNGAI SIPUT (U)

SUNGAI SIPUT (U) - MAIPk telah mengadakan Ziarah Ramadan dan majlis berbuka puasa di Perkampungan Orang Asli Beswok Pos Yum Sungai Siput (U) pada 4 Jun 2018. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhammed telah mengetuai ziarah ini bersama-sama para pegawai MAIPk. Pada program ini, sebanyak 8 buah rumah dan 2 buah surau diziarahi dan diteruskan dengan majlis berbuka puasa bersama penduduk setempat. Hasil dari program Ziarah Ramadhan ini pihak MAIPk akan mempertimbangkan untuk membaiki surau di KOA JEI dan KOA Beswok dan bantuan baik pulih rumah dan bina rumah Jenis A untuk penduduk dikawasan tersebut yang layak bagi kesejahteraan dan perlindungan keluarga dan penduduk terbabit. Pihak MAIPk juga mengharapkan agar sumbangan ini akan memberi kemudahan untuk mereka mendalami lagi ilmu agama Islam dan seterusnya menjadi Muslim dan Muslimah yang berpegang teguh kepada ajaran Islam.



MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI DAERAH KERIAN

PARIT BUNTAR – Yayasan Muhibah Tan Sri Dr Fng Ah Seng dengan kerjasama Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan satu Majlis Penyampaian Bantuan Aidilfitri kepada penerima bantuan fakir miskin di Daerah Kerian yang berlangsung di Pejabat Jualan Epic Valley pada 7 Jun 2018. Meskipun berstatus bukan seorang penganut beragama Islam, namun Tan Sri Dr Fng Ah Seng melalui syarikatnya, Epic Valley Holding Berhad telah menyampaikan sejumlah sumbangan berbentuk wang sebagai rutin tahunan beliau. Beliau juga ada menyatakan bahawa amalan memberikan sumbangan kepada fakir miskin daripada hasil keuntungan perniagaan akan memudahkan perjalanan rezekinya malah meningkatkan hasilkekayaan beliau sebagai seorang ahli usahawan tempatan. Pada majlis penyampaian Bantuan Aidilfitri tersebut juga, Tan Sri Dato Seri (Dr.) Haji Harussani turut menegaskan bahawa, jutawan bukan Islam seperti Tan Sri Dr Fng Ah Seng harus dijadikan contoh kerana kemuliaan hatinya dalam menyampaikan sumbangan untuk membantu pembangunan asnaf yang beragama Islam adalah bukti sebenar beliau merupakan seorang rakyat Malaysia yang amat bertanggungjawab. Beliau juga berharap lebih ramai tokoh-tokoh usahawan sebegini yang dapat dilahirkan demi pembangunan masyarakat majmuk. Pada majlis tersebut Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng telah menyampaikan sumbangan wang berjumlah RM60,000 sebagai bantuan Aidilfitri kepada sejumlah 166 orang penerima bantuan Asnaf Fakir dan Miskin di Daerah Kerian. Majlis ini juga turut dihadiri bersama Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat A.F.Ustaz Bakri bin Lee, Pegawai Baitulmal Daerah Parit Buntar dan Bagan Serai serta pegawai-pegawai dan pekhidmat MAIPk.





PROGRAM ZIARAH RAMADAN DAN BERBUKA PUASA BERSAMA ASNAF DAERAH BATU GAJAH

BATU GAJAH – Pada 30 Mei 2018 pihak MAIPk telah mengadakan program ziarah dan berbuka puasa bersama asnaf sempena bulan Ramadan. Program ini diadakan bagi menunjukkan keprihatinan pihak MAIPk dalam menyantuni golongan asnaf. Sebanyak lima buah rumah asnaf telah diziarahi iaitu di sekitar Lorong Mat Saman, Taman Chenderong Jaya, Kampung Batu 8 dan Kampung Batu 7 di daerah Batu Gajah. Program ziarah Ramadan dan berbuka puasa bersama asnaf tersebut telah disertai oleh Encik Ahmad Muzammil bin Arbain Pengurus Unit Pembangunan Asnaf, Encik Ahmad Fadzil bin Mustafa, Pegawai Baitulmal Daerah Batu Gajah serta pegawai-pegawai dari MAIPk. Sepanjang program ini, rombongan ziarah MAIPk telah meluangkan masa beramah mesra bersama para asnaf di samping turut memberikan bantuan barang dapur, juadah berbuka puasa dan duit saku untuk setiap keluarga.



PROGRAM ZIARAH RAMADAN DAN BERBUKA PUASA BERSAMA ASNAF DAERAH KUALA KANGSAR

KUALA KANGSAR – Bagi menterjemahkan dan memperkasakan keprihatinan MAIPk terhadap golongan-golongan yang tidak berasib baik, MAIPk telah mengadakan program ziarah dan berbuka puasa bersama asnaf sempena Ramadan 1439H pada 24 Mei 2018. Program ziarah dan berbuka puasa ini menyantuni lima buah rumah asnaf terpilih iaitu di sekitar Mukim Sayung, Buaya, Lubuk Merbau dan Chegar Galah di daerah Kuala Kangsar. Program ziarah dan berbuka puasa bersama asnaf tersebut telah diketuai oleh Pegawai Baitulmal Daerah Encik Wan Abdul Halim Hafidz bin Mohd Amin serta pegawai-pegawai dari MAIPk. Program ini bertujuan untuk menziarahi dan menyantuni penerima bantuan bulanan MAIPk daerah Kuala Kangsar dengan memberikan bantuan barang dapur, juadah berbuka puasa serta duit saku untuk setiap keluarga sempena bulan Ramadan.



MAIPk BEKERJASAMA DENGAN JPN LAKSANA PROGRAM SAHSIAH UNGGUL INSAN TERBILANG (SUIT)

MERU – Dalam usaha untuk membantu membanteras gejala dadah, MAIPk telah bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk menjayakan program Sahsiah Unggul Insan Terbilang (SUIT) pada 11 April 2018. Merujuk kepada statistik penagih dadah bagi tahun 2016, seramai 30,844 orang penagih direkodkan dan daripada jumlah tersebut seramai 22,923 orang adalah penagih yang baharu dikesan dengan seramai 2,639 orang penagih dadah di negeri Perak. Program ini juga merupakan program NBOS yang melibatkan beberapa agensi termasuklah PDRM, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Kementerian Kesihatan dimana program telah dijalankan daripada kajian rintis di beberapa buah sekolah. Melihat kepada keberkesanannya modul dan impak yang baik daripada program ini, MAIPk memperuntukan sebanyak RM70,000.00 iaitu Program Pembangunan Modal Insan di bawah Asnaf Fisabilillah. Dengan dana ini, pelajar-pelajar bagi 250 buah sekolah menengah di sekitar negeri Perak akan menerima modul program SUIT. Lahirnya insan terbilang yang bebas daripada penagihan dadah juga merupakan impian MAIPk dalam memperlengkapkan usaha-usaha membangunkan taraf ekonomi, pendidikan dan sosioekonomi ummah di peringkat awal pendidikan lagi.



MAJLIS PENYERAHAN KABIN GUNTING RAMBUT DAN BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI DAERAH SELAMA

SELAMA – Pada 11 Jun 2018 telah berlangsungnya agihan bantuan hari raya Fakir dan Miskin daerah Selama berjumlah RM195,750.00 yang melibatkan seramai 783 orang penerima. Turut berlangsung juga, Majlis Penyampaian Kabin Gunting Rambut kepada En. Hamzah bin Rajuli. Majlis telah disempurnakan oleh YABhg. Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Dato' Haji Wan Mohd Isa bin Dato' Haji Wan Mohd Razalli, Orang Besar Jajahan Larut, Matang dan Selama di Masjid Al-Aziziah, Sungai Bayor, Selama Perak. Pihak MAIPk mengharapkan sumbangan raya ini dapat menyempurnakan hari raya para penerima dan juga semoga penyerahan kabin gunting rambut dapat membantu En. Hamzah meningkatkan pendapatan beliau.





ANAK ASNAF CEMERLANG DI BAWAH SKIM BIASISWA PELAJARAN BAITULMAL



IPOH – MAIPk telah mengadakan Majlis Penyampaian Biasiswa Pelajaran Baitulmal 2018 serta Majlis Menandatangani Perjanjian Antara MAIPk dan Yayasan Pelajaran MARA (YPM) pada 12 April 2018. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhammed. Pada tahun 2018, seramai 113 orang pelajar Tingkatan 1 telah menerima Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal MAIPk. Mereka ini menerima biasiswa sebanyak RM1,000.00 bagi tempoh setahun sesi persekolahan dan akan menerima biasiswa tersebut sehingga tingkatan 5. Seorang pelajar yang menerima Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal MAIPk 2013, Nur Syaza Syahirah Binti Eddy telah memperolehi keputusan yang amat cemerlang iaitu 9A bagi SPM 2017. Rakannya Ainon Syafiqah Binti Mohd Samsudin serta Siti Syakirah Binti Mohd Samsudin memperolehi 8A manakala Nur Ain Najihah Binti Mohd Azahari memperolehi 6A. Malahan, rakan-rakannya turut memperolehi keputusan yang amat memberangsangkan iaitu purata 5A. Kejayaan yang dicapai ini cukup membanggakan dan hal ini membuka peluang kepada pihak MAIPk untuk menjalankan Program Anak Angkat bersama pihak YPM bagi membimbing dan membantu para pelajar dalam meningkatkan kecemerlangan akademik dan kemahiran insaniah pelajar. Pihak YPM turut menyediakan kelas bimbingan dan tuisyen kepada semua pelajar Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal MAIPk yang melibatkan 435 orang pelajar.

19 ORANG ANAK ASNAF IKUTI PROGRAM CERTIFIED ACCOUNTING TECHNICIAN (CAT) DAN ASSOCIATION OF CHARTERED ACCOUNTANTS (ACCA)

IPOH, 12 April 2018 – Dalam usaha untuk meningkatkan jumlah pelajar bumiputera dalam bidang perakaunan dan kewangan, MAIPk bekerjasama dengan MyPAC iaitu sebuah organisasi yang berperanan untuk meningkatkan jumlah akauntan profesional bumiputera di Malaysia melalui kerjasama dengan badan profesional, institusi pendidikan yang diiktiraf, sektor swasta dan agensi kerajaan bagi Kursus Certified Accounting Technician (CAT) dan Association of Chartered Accountants (ACCA) selama 4 tahun 2 bulan di INTEC Education College. Program ini melibatkan seramai 19 orang pelajar dalam kalangan keluarga asnaf fakir dan miskin, dan 14 orang daripadanya adalah pelajar Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal MAIPk.

Pelajar-pelajar ini akan diiktiraf sebagai akauntan profesional oleh Certified Accounting Technician (CAT) dan Association of Chartered Accountants (ACCA). Sebanyak RM2,307,854.00 diperuntukkan bagi program ini meliputi RM121,466.00 bagi seorang pelajar. Pihak MAIPk berharap, pelajar-pelajar ini berusaha keras bagi membolehkan mereka layak menerima pengiktirafan tersebut sekaligus menyumbang kembali kepada masyarakat dan negara.



114 ORANG PELAJAR DERMASISWA MAIPk BERANGKAT KE MESIR

MESIR – Pelajar tajaan dan penerima Bantuan Am Skim Dermasiswa Luar Negara MAIPk telah selamat tiba di bumi Mesir. Seramai 40 orang pelajar telah bertolak ke Mesir pada 1 April 2018 dan selebihnya pada 8 April 2018. Kini, mereka sedang mengikuti kelas insentif bahasa arab di Aleem Center iaitu pusat latihan yang dilantik bagi menyediakan kursus tersebut kepada pelajar Dermasiswa MAIPk. Kelas ini disediakan sebagai persediaan pelajar sebelum menghadapi peperiksaan Imtihan Qabul pada 21 April 2018 nanti sebagai penentuan tempoh masa pelajar di Markaz Lughah.

Pelajar Tajaan MAIPk menerima pembiayaan penuh bagi tiket penerbangan, Markaz Lughah sebanyak RM3,500.00 dan sara diri pengajian RM6,500.00/tahun dan meliputi tempoh 4 tahun pengajian. Manakala bagi pelajar Bantuan Am, pembiayaan separuh bagi tiket penerbangan, Markaz Lughah sebanyak RM3,500.00 dan sara diri pengajian RM3,500.00/tahun dan meliputi tempoh 4 tahun pengajian. Pelajar Bantuan Am ini layak untuk menjadi pelajar tajaan dengan syarat mendapat keputusan jayyid dalam peperiksaan.

Pihak MAIPk berharap dengan peluang dan ruang yang disediakan pelajar-pelajar dibawah Skim Dermasiswa Luar Negara MAIPk berusaha keras untuk menimba ilmu serta mempelajari seberapa banyak ilmu Islam di tanah Mesir dan akhirnya dapat menyalurkan serta menyebarkan ilmu Islam kepada umat Islam di Malaysia. Diharapkan juga supaya pelajar-pelajar ini sentiasa fokus dalam pembelajaran dan pulang ke Malaysia tepat pada masanya dengan membawa pulang segulung ijazah serta ilmu pengetahuan yang mampu memberi manfaat kepada umat Islam di Malaysia.



PROGRAM JEJAK NIAGA DAERAH KG. GAJAH DAN TAPAH

KG.GAJAH,TAPAH - MAIPk telah mengadakan program Jejak Niaga Daerah Kg. Gajah pada 17 April 2018 dan di Tapah pada 18 April 2018. Program ini diadakan bagi tujuan mendapat maklumat peniaga Islam dan memberi penerangan semua jenis zakat kepada peniaga-peniaga Islam di sekitar daerah Kg. Gajah dan Tapah agar peniaga yang memenuhi syarat dapat melaksanakan tuntutan menuunaikan ibadah zakat. Program Jejak Niaga ini dihadiri oleh Pengurus Besar Bahagian Pemasaran Encik Ahmad Nazim Bin Md.Tajuri, Pegawai Baitulmal Daerah-Daerah, dan pegawai-pegawai MAIPk.





Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Keluarga
En. Mohamad Khairi bin Ismail di Taman
Cempaka, Ipoh Pada 5 April 2018




Sumbangan Bantuan Perubatan dan Kewangan
Kepada Keluarga En. Norhazif bin Abdullah di Kg.
Dato' Sagor, Sungai Siput (U) Pada 12 Jun 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Keluarga
Encik Ahmad Azhar bin Hizan di Taman Rapat
Indah, Ipoh Pada 26 April 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Tiga
Beradik Yang Menghidapi Penyakit Saraf Di
Kampar Pada 13 Jun 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada
Keluarga En. Zainal Abidin di Gerik
Pada 30 Mei 2018



Sumbangan Bantuan Bencana Kebakaran Kepada
Encik Abdul Karim bin Alang Ahmad di Kg Dato
Ahmad Said Tambahan 3 Manjoi Pada 17Jun 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada En. Othman Bin A.Hamid
di Gerik Pada 5 Jun 2018

**SEBAHAGIAN
AKTIVITI
SKUAD PRIHATIN
ASNAF MAIPK**

PERBINCANGAN DAN BENGKEL PENYEDIAAN DERAF GARIS PANDUAN PANEL PENYEDIA PERKHIDMATAN HIBAH (PERAK) 2018

Ipoh - Panel penyedia perkhidmatan hibah yang terdapat di Malaysia serta Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan perbincangan dan bengkel penyediaan draf peraturan-peraturan Hibah (Perak) 2018 di Hotel Casuarina @ Meru, Ipoh pada 23 – 24 Mei 2018. Perbincangan dan bengkel ini juga dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhammed, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPk, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, dan pegawai-pegawai MAIPk. Perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Mohd Haidi Bin Sulaiman TKPE (Pengurusan). Tujuan perbincangan dan bengkel ini dianjurkan oleh pihak MAIPk ialah untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai produk-produk dan perkhidmatan berkaitan Hibah yang sedang dijalankan oleh beberapa panel penyedia Perkhidmatan Hibah di Malaysia. Sepanjang bengkel ini diadakan, sedikit sebanyak ianya telah dapat memberi input-input yang penting dan berguna kepada pihak MAIPk untuk menguruskan Hal Ehwal Hibah dengan lebih efisien dan bersistematis.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MAIPk TAHUN PENILAIAN 2017

IPOH – Majlis Agam Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun penilaian 2017 bertempat di Dewan Al-Ghazali, Tingkat 2 Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 10 April 2018. Majlis APC ini diadakan untuk mengiktiraf dan menghargai perkhidmatan cemerlang yang diberikan oleh kakitangan MAIPk dalam melaksanakan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, bacaan doa dan seterusnya ucapan aluan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhammed. Kemudian majlis diteruskan dengan ucapan Yang Dipertua MAIPk, Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin. Dalam majlis ini, seramai 24 orang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 24 orang menerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji, 2 orang pekhidmat MAIPk yang sudah lama berkhidmat menerima Hadiah Menunaikan Haji, 3 Anugerah Pengurusan Pejabat Terbaik, 5 Anugerah Daya Usaha, dan 3 Anugerah YDP MAIPk. Tahniah diucapkan kepada semua penerima APC bagi tahun 2017. Semoga semua pekhidmat MAIPk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang.



BERITA SANA SINI



TAKLIMAT SKIM POTONGAN ZAKAT BERJADUAL KEPADA BARISAN KEJURULATIHAN DAN PEMAIN BOLA SEPAK PERAK DARUL RIDZUAN PADA 9 APRIL 2018



PROGRAM PEMBUDAYAAN INTEGRITI MAIPk DENGAN KERJASAMA SPRM PERAK PADA 6 JUN 2018



LAWATAN KE ADMAL AVIATION COLLEGE UNTUK TINJAUAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN ASNAF 2018 DALAM BIDANG AIRCRAFT MUNUFACTURING TECHNICIAN (AMT) PADA 23 APRIL 2018



MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN HARI RAYA TAHUN 2018 DAN SAGUHATI KEPADA JAWATANKUASA ZAKAT FITRAH DAERAH MANJUNG PADA 7 JUN 2018



PEMBENTANGAN KHAS LAPORAN JAWATANKUASA PENDIDIKAN TAHFIZ NEGERI PERAK PADA 18 MEI 2018



MAJLIS PENYAMPAIAN BAKUL RAMADAN KEPADA ASNAF FAKIR MISKIN DAN MUALLAF DAERAH MUALLIM OLEH OBJ MUALLIM PADA 07 JUN 2018



MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN MODAL PERNIAGAAN KEPADA 80 ORANG USAHAWAN ASNAF PADA 24 MEI 2018



PERSIDANGAN MAIPk KALI KE-204 PADA 28 JUN 2018

Wasiat Raja-Raja Melayu

Wasiat Raja-Raja Melayu merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah:

PERTAMA

Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung (PERSEKUTUAN TANAH MELAYU) sekarang dikenali dengan nama MALAYSIA.

KEDUA

Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50%, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain;

KETIGA

Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kamu serta hak milik kamu, kami telah tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara;

KEEMPAT

Kamikekalkan dan kami jamin kerajaan dan kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini;

KELIMA

Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan;

KEENAM

Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU; dan

KETUJUH

Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).



Tunaikan ZAKAT ANDA KEPADA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN `ADAT MELAYU PERAK (MAIPk)

Saluran Bayaran Kaunter Zakat :

18 kaunter cawangan seluruh negeri Perak | Amil Fitrah | Amil Harta | Amil Profesional Perunding Zakat
Firma Akaun / Audit Bertauliah | Kaunter Pos Malaysia

Kaedah Pembayaran Online :



Biller Code: 9027
Ref-1 : Nama Pembayar
Ref-2 : Nombor Telefon

Jompay (Bersama Biller Code)



FPX-Melalui Portal MAIPk
www.maiamp.gov.my



Sentiasa di sisi Anda



Zakat Perak - MAIPk



[zakatperakmaipk](#)



Zakat Perak - MAIPk



www.maiamp.gov.my
05-2084000

UNTUK PERTANYAAN LANJUT SILA HUBUNGI